

29/04/2003

PM lancar Hari Guru peringkat kebangsaan

Syuhada Choo Abdullah

MAJLIS pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan 2003 yang dijadualkan berlangsung di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang pada 16 Mei ini, adalah yang terbesar dalam sejarah sambutannya kerana akan disertai 9,000

jemputan dari seluruh negara.

Pengarah Pendidikan Pulau Pinang, Dawa @ Dewa Abdullah, berkata penganjuran majlis itu kali ini juga lebih meriah dan memberi makna tersendiri kerana ia akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum beliau dijadualkan bersara, Oktober ini.

Selain itu, katanya, sebagai tuan rumah, Pulau Pinang signifikan sebagai tempat kelahiran Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut dijemput sebagai tetamu kehormat majlis pelancaran Hari

Guru peringkat kebangsaan itu.

Antara tetamu lain, katanya, ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; pegawai Kementerian Pendidikan; wakil guru dari setiap negeri dan warga serta bukan warga pendidikan, termasuk pertubuhan guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Berikutan itu, tuan rumah menerima peruntukan RM100,000 setakat ini daripada Kementerian Pendidikan bagi menampung perbelanjaan yang dianggarkan melebihi RM200,000 untuk menjayakan acara gilang-gemilang itu.

Berdasarkan kemahuan dan semangat tinggi menjayakan majlis istimewa itu,

Dawa menjelaskan, pelbagai pihak di negeri berkenaan memberi sokongan dan

kerjasama padu bagi mendapatkan sumbangan untuk membiayai sebahagian daripada kos penganjuran majlis itu.

"Sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan 2003 adalah yang terbesar kerana sebelum ini jemputannya hanya dalam lingkungan 5,000 hingga 6,000 orang. Ia juga akan membabitkan perhimpunan masyarakat secara menyeluruh,

selain 40 wakil warga pendidikan dari setiap negeri, agar makna dan mesej

perayaan ini dapat dihayati bersama.

"Sebuah pentas dibina di tengah stadium tertutup berkenaan yang akan menyaksikan majlis penyampaian Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan dan pelbagai

persembahan menarik, termasuk boria.

"Setakat ini, segala urusan persiapan berjalan lancar dengan sambutan baik dan penyertaan bersama keseluruhan masyarakat negeri ini," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi, semalam.

Selain itu, Dawa berkata, sambutan kali ini juga diisi dengan pelbagai program penting, termasuk forum bertajuk 'Guru Berkualiti Aspirasi Negara'

(tema Hari Guru 2003) yang akan dipengerusikan Pengarah Bahagian

Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Azmi Zakaria.

Katanya, forum yang akan berlangsung di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, pada pagi 16 Mei itu dijangka dihadiri kira-kira 500 pendidik bagi

membincangkan pelbagai isu berkaitan bidang keguruan tanah air, terutama dari segi peningkatan cabaran, peranan dan kualiti.

Beliau berkata, pertandingan bahas kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sempena sambutan itu pula dijadualkan berlangsung di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang, pada 14 Mei ini untuk peringkat separuh akhir, manakala akhir keesokannya.

"Jamuan Negeri sempena majlis pelancaran Hari Guru ini akan diadakan tengah hari 17 Mei. Sebanyak 12 gerai dengan makanan popular Pulau Pinang disediakan.

"Kami akan berusaha untuk menganjurkan sambutan yang sebaik mungkin kerana peluang menjadi tuan rumah Hari Guru adalah secara bergilir dan hanya datang sekali dalam tempoh 15 tahun," katanya.